

TEKS UCAPAN BRIG JEN DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

ISTIADAT KONVOKESYEN KEEMPAT (UniMAP)

PADA 15 OGOS 2009,

BERTEMPAT DI DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala puji itu milik Allah sarwa alam. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail; Canselor Universiti Malaysia Perlis, dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahren Akashah Khalil; Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bercemar duli berangkat ke Istiadat Konvokesyen Keempat Universiti Malaysia Perlis pada hari ini. Sukacita juga patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi

junjungan kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor atas perkenan Tuanku mengurniakan ijazah dan pelbagai anugerah kepada para graduan yang diraikan.

Patik juga, bagi pihak seluruh warga Universiti Malaysia Perlis, merafak junjungan sembah tahniah kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Puan Muda Perlis di atas pelantikan Tuanku sebagai Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis yang pertama. Semoga dengan terlantiknya Duli Yang Teramat Mulia Tuanku sebagai Pro-Canselor akan bertambah mantaplah struktur Universiti Malaysia Perlis sebagai institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing.

Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun. Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan para graduan yang diraikan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mat Isa bin Sabu
Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Perlis,

Yang Berbahagia Dr. Siti Aishah Baharum
Wakil Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor Universiti Tempatan atau wakil,

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor Universiti Luar Negeri atau wakil,

Yang Berhormat Dato` Mohamed Zabidi bin Zainal
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-Dekan, Ahli-Ahli Senat Universiti, Profesor-Profesor, Pensyarah-Pensyarah,

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato',
Datin-Datin,

Dif-Dif Jemputan, Para Graduan, Para Ibu bapa dan para graduan sekalian.

Tuan-tuan, puan-puan yang dihormati dan para graduan yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang Hao, Saba Hun Khair.

1. Biar pun istiadat yang kita lalui ketika ini sarat dengan ritual yang dilaksana berulang-ulang kali, namun izini saya meneruskan langkah penyambungnya. Biar hari silih berganti, namun bagi sesebuah universiti, hari ini juga yang dinanti-nanti. Inilah hari si ibu, bahagia di lubuk hati. Inilah harinya si bapa, lapang dadanya. Inilah juga harinya universiti dengan tinggi rasa bangganya memperkenalkan kepada semua tetamunya potret dan wajah insan-insan yang besar jasa dan banyak budinya.
2. Hadirin sekalian, pada pagi yang mempamer seribu makna ini, marilah kita bersama-sama mengalungkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Hassan Said yang dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Sains sebentar tadi. Sesungguhnya perjalanan awal kehidupan UniMAP sehingga mencecah tahun ketujuh ulang tahun kelahirannya pada awal tahun ini banyak dipermudah oleh Allah melalui air tangan Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Hassan Said.

Ikan gelama main gelombang,
Berasa redup di Tanjung Jati,
Tuan umpama lilin yang terang,
Sentiasa hidup di anjung hati.

3. Pada pagi yang dibasahi rasa bahagia ini juga, UniMAP mempamer satu lagi potret yang turut mencecahkan air jari-jemari ilmunya dalam usaha mencorakkan wajah UniMAP dalam rupanya yang ternyata kini. Dalam rasa terhutang budi yang tidak terkira itulah UniMAP tidak sekelumit pun berasa sangsi untuk menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Profesor Dr. Karl Kohlhof.

Sampan dibina badai dan arus,
Bergalah keluli melejang di pantai,
Tuan laksana cindai yang halus,
Alah membeli menang memakai.

4. Dalam Istiadat Konvokesyen Keempat ini juga UniMAP bersyukur kehadrat Allah dan amat sukacita menganugerahkan ijazah kepada 1,012 orang graduan yang terdiri daripada seorang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 15 orang penerima Ijazah Sarjana Sains, 751 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan; 245 orang penerima Diploma Kejuruteraan. Daripada 751 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan itu, sebanyak 25 orang (3.32%) graduan dianugerahi ijazah kelas pertama (PNGK 3.67 ke atas), sementara 334 orang (44.4%) memperoleh ijazah kelas kedua

atas (PNGK 3.00 hingga 3.66). Harapan saya semoga para graduan sekalian dapat memanfaatkan segala ilmu yang ditimba untuk membangunkan kerjaya yang cemerlang, membantu ibu bapa yang telah banyak mengorbankan tenaga, membangunkan masyarakat yang memerlukan sokongan, dan memajukan negara sehingga berupaya berdaya saing di semua peringkat dan lapangan sepanjang masa. Sedikit pesan kepada anak didik UniMAP sekalian: usahlah segulung ijazah yang dititipkan hari ini dijadikan sempadan untuk tidak terus terus membaca dan membaca; tidak terus mencari dan menggali khazanah ilmu dalam apa jua kesempatan yang ada atau dalam apa jua kesempitan yang melanda.

5. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama menuntut di Universiti ini meskipun perjuangan hidup sebenar belum berakhir. Saya amat berharap saudara-saudara tidak melupai UniMAP. Ingatilah bahawa status alumni yang disematkan pada dada anda dalam sidang ini dengan sendirinya menjadikan saudara-saudara tidak boleh dipisahkan daripada UniMAP. Gunakanlah segala peluang yang ada untuk bersama-sama membantu membangunkan dan melestarikan UniMAP melalui Persatuan ALUMNI. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam bidang penyelidikan akan sentiasa dan amat kami alu-alukan.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

6. Kata-kata yang dipilih dalam pantun yang dibaca sebentar tadi banyak meminjam citra-citra alam yang dekat dengan lautan: gelombang, badai, arus dan pantai. Begitulah kiranya saya dan seluruh warga UniMAP melayarkan bahtera yang bernama UniMAP ini; jika tidak ditimang gelombang, dibuai badai; jika tidak dibawa arus, didamparkan di bibir pantai. Dalam suasana ekonomi dunia yang baru hendak menampakkan riak pulihnya, para jurutera dan calon jurutera UniMAP menerima sambutan anggota masyarakat dengan pelbagai tanggapan. Biar apapun yang dikatakan orang, namun UniMAP, meskipun baru berusia tujuh tahun, alang-alang sudah membongkar sauh, akan terus menongkah arus; tidak akan mudah ditimang gelombang, tidak mudah dibuai badai, atau didamparkan ke tepian.

7. Untuk pengetahuan semua, sukacita saya maklumkan bahawa sehingga 5 Ogos 2009 yang baru berlalu, sebanyak 160 orang (21.30%) para graduan kejuruteraan UniMAP yang bergraduat hari ini telah mendapat pekerjaan di pelbagai syarikat kecil dan besar; nasional dan multinasional. Berdasarkan rekod tiga tahun yang lalu, UniMAP yakin bahawa dalam masa enam bulan dari sekarang sekurang-kurangnya 75% daripada para graduan ini akan bekerja (meskipun dalam keadaan ekonomi yang masih gawat); dan dalam masa setahun dari sekarang semuanya akan mempunyai mata pencarian sendiri. Kecuali, mereka memilih untuk tidak melakukan apa-apa.

8. Sejarah telah menunjukkan bukti tentang keupayaan UniMAP. Sehingga kini, sebanyak 43 orang siswazah UniMAP berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat pascasiswazah di bawah Skim Latihan Bumiputera (SLAB); sembilan orang di peringkat doktor falsafah, 34 orang di peringkat ijazah sarjana, dan 12 orang daripada mereka telah bergraduat sama ada di universiti di dalam negara atau di luar negara termasuk di universiti-universiti terkenal di Britain, Australia atau Eropah.

9. Pada masa ini, UniMAP mempunyai 127 orang mahasiswa dan penuntut antarabangsa; 54 orang menjalani pengajian peringkat pascasiswazah (32 orang peringkat doktor falsafah dan 22 orang peringkat sarjana) dan 73 orang peringkat ijazah sarjana muda. Kebanyakan mereka yang datang mencari ilmu di UniMAP adalah dari Yemen, China, Indonesia Iraq, Mauritius dan Sudan. Dalam jurusan Perniagaan Antarabangsa dan Keusahawanan Kejuruteraan yang baru diperkenalkan tahun ini sahaja, bilangan mereka sudah mencapai angka 38 orang.

10. Terkini, UniMAP diiktiraf sebagai universiti ketiga terbaik di dalam negara, ke-14 terbaik di Asia Tenggara dan ke-745 terbaik di dunia mengikut pemeringkatan Webometrics; universiti terfokus terbaik daripada segi bilangan artikel dan kertas kerja persidangan yang terindeks dalam Scopus; dan mencapai markah 78.2% mengikut instrumen soal selidik universiti penyelidikan yang

dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pengajian Tinggi.

11. Dengan data yang dikemukakan, saya dan seluruh warga UniMAP yakin bahawa masa depan UniMAP, insya-Allah akan semakin cemerlang. Dengan semua program diplomanya diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dengan dua program ijazah kejuruteraan yang telah mendapat akreditasi, sementara lapan program ijazah kejuruteraan lagi sedang diproses untuk diberi akreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia, dan hampir kesemua siswazahnya bekerja, sementara sebahagiannya diterima melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terkenal di dunia, UniMAP yakin tentang keupayaannya untuk bersaing di persada antarabangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

12. Akhir kata terimalah sedikit nasihat daripada peribahasa Melayu yang mengingatkan kita supaya melaksana sesuatu dengan berhati-hati buat bekal akal dalam perjalanan:

- Berjimat sebelum habis; beringat sebelum kena.
- Terdorong kaki, badan binasa; terdorong lidah, emas padahnya.

- Telah dijual, maka dibeli. Sepuluh kali diukur, sekali dikerat.
- Padang perahu di lautan; padang hati di fikiran.
- Dengar cakap enggang, makan buah beluluk; dengar cakap orang, terus masuk lubuk.
- Berjalan, peliharalah kaki; bercakap, peliharalah lidah.

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua atas perkenan berangkat ke Istiadat Konvokesyen yang sarat dengan sejarah ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua amat besar makna dan ertinya buat patik sekalian. Mohon patik mengundurkan diri dengan lafaz:

Wabillahitaufik walhidayah

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ